

UNIT
11

GALAKSI




INFO RINGKAS

Kenali Galaksi

- 1 Galaksi ialah suatu sistem yang terdiri daripada berjuta-juta bintang, gas, debu dan jirim lain.
- 2 Terdapat berbilion-bilion galaksi dalam alam semesta ini yang mempunyai pelbagai bentuk dan saiz. Beberapa contoh jenis galaksi adalah seperti berikut:


- Galaksi berpilin



- Galaksi elips



- Galaksi tidak sekata



- 3 Saiz galaksi terdiri daripada beberapa juta bintang sehingga beberapa trilion bintang.

Galaksi Bima Sakti

- 1 Galaksi Bima Sakti merupakan satu daripada berbilion-bilion galaksi yang terdapat dalam alam semesta.
- 2 Pusat galaksi Bima Sakti dikelilingi oleh berbilion-bilion bintang. Matahari merupakan satu daripada bintang di dalam galaksi Bima Sakti.
- 3 Bima Sakti ialah galaksi pilin berpaling yang mempunyai dua lengan utama. Sistem Suria kita berada di pinggir satu daripada lengan berpilin galaksi Bima Sakti. Kita hanya boleh melihat sebahagian daripada galaksi Bima Sakti dari Bumi kerana Bumi berada di pinggir galaksi ini.
- 4 Galaksi ini juga mempunyai pusat bintang yang cerah dan tebal.
- 5 Pandangan sisi galaksi Bima Sakti kelihatan seperti sekeping cakera nipis yang membonjol di bahagian tengah.

Saiz Sistem Suria di dalam Galaksi Bima Sakti

Saiz Sistem Suria adalah sangat kecil berbanding dengan galaksi Bima Sakti.